

MELESTARIKAN SEJARAH MELALUI PENAMAAN JALAN

Pengiran Hajah Mahani binti Pengiran Haji Ahmad¹

Abstrak

Sejarah sememangnya memainkan peranan yang penting dalam kehidupan masyarakat pada hari ini mahupun akan datang walaupun sesetengah masyarakat berpendapat sejarah itu hanyalah rangkaian kisah lalu dan tidak perlu diungkit lagi. Namun kita perlu melihat secara positif bahawa sejarah itu suatu proses yang bersambung. Apa yang berlaku hari ini merupakan sebahagian daripada peristiwa semalam dan menunjang menjadi sebahagian daripada peristiwa yang akan berlaku pada masa akan datang. Oleh yang demikian, pemahaman dan mengetahui tentang sejarah itu perlu. Sejarah itu penting sebagai pemangkin dalam meningkatkan ilmu pengetahuan. Sejarah itu juga memainkan peranan dalam pembinaan intelektual. Sejarah juga tidak boleh tidak berperanan dalam pembangunan bangsa dan negara. Sejarah itu juga dikatakan untuk mematangkan minda dan membentuk perpaduan sosial. Disamping sejarah itu dijadikan sumber kesedaran kepada masyarakat. Maka kertas kerja ini akan memperlihatkan dan memperjelaskan sejarah yang tercatat disebalik nama-nama jalan itu dan tujuan kepentingannya kepada bangsa dan negara.

Pendahuluan

Menurut Kamus Dewan 'melestarikan' bermaksud mengekalkan atau memelihara². Manakala pengertian sejarah itu mengikut pendapat ahli sejarawan, Carr iaitu sejarah berfungsi untuk

¹ Kertaskerja bagi seminar 'Group of Experts on Geographical Names (UNGEGN) Asia, South-East Division' di Empire Hotel and Country Club, Jerudong, Brunei Darussalam pada 13 Mei 2013. Email: sarimahani@yahoo.co.uk.

menyimpan dan meneruskan pengalaman-pengalaman secara kolektif dari satu generasi ke satu generasi berikutnya. Dengan itu berlakunya proses pembudayaan, sosialisasi dan pendidikan secara terus-menerus³.

Oleh yang demikian, melestarikan sejarah bolehlah diertikan memelihara sejarah sebagai khazanah warisan bangsa dan negara yang perlu dijaga untuk ristaan, tatapan dan renungan generasi akan datang. Maknanya, melestarikan sejarah itu bukan hanya dalam bentuk institusi dan monumen seperti jam, batu nisan, sekolah, istana, jambatan, penempatan kampung dan sebagainya tetapi termasuk juga dalam bentuk penamaan jalan.

Jika diperhatikan nama-nama jalan diseluruh Negara Brunei Darussalam begitu unik kerana kepelbagaian nama yang diambil seperti struktur pentadbiran tradisi, nama pemimpin negara, tokoh-tokoh tempatan dan luar negeri, tumbuh-tumbuhan, alat kraftangan, sosioekonomi, legenda dan sebagainya. Kesemua nama-nama itu dilestarikan mengikut kesesuaian budaya, adat dan nilai masyarakat yang berlandaskan falsafah negara 'Melayu Islam Beraja' yang telah diamalkan 600 tahun yang lampau.

Apa kepentingan dan tujuan nama-nama ini ditonjolkan kepada masyarakat umum menerusi sejarah? Apa cerita yang berlaku sehingga nama itu diangkat. Dalam hal ini, tidak semua nama jalan akan disentuh tetapi hanya sebahagian sahaja untuk memperlihatkan kepentingannya terhadap sejarah. Kepentingan sejarah itu boleh dilihat daripada pelbagai sudut namun perbincangan hanya difokuskan kepada:

- 1) Sejarah sebagai pemangkin dalam meningkatkan ilmu pengetahuan;

² *Kamus Dewan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Malaysia, 1984, hlm. 691.

³ Carr, E.H., (Terjemahan Abdul Rahman Haji Ismail), *Apakah Sejarah*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984, hlm.24

- 2) Sejarah memainkan peranan penting dalam pembinaan intelektual;
- 3) Sejarah berperanan dalam pembangunan bangsa dan negara.
- 4) Sejarah mematangkan minda dan membentuk perpaduan sosial;
- 5) Sejarah dijadikan sumber kesedaran kepada masyarakat.

1. Sejarah Sebagai Pemangkin Dalam Meningkatkan Ilmu Pengetahuan.

Dalam meningkatkan ilmu pengetahuan yang lebih mendalam terhadap sejarah maka terdapat nama-nama jalan di negara ini diambil daripada beberapa perkara seperti struktur pentadbiran tradisi, sejarah institusi dan sejarah perekonomian Brunei.

- **Struktur Pentadbiran Tradisi**

Jalan Bendahara, Jalan Pemancha, Jalan Gadong dan Jalan Temenggong merupakan nama-nama peringkat wazir dalam struktur pentadbiran tradisi Negara Brunei Darussalam pada zaman dahulu. Pentadbiran tradisi bolehlah yang dibahagikan kepada dua kelas iaitu sultan dan pembesar-pembesar terdiri daripada wazir, cheteria dan menteri. Wazir merupakan tahap atau peringkat kedua selepas sultan yang dianggap mempunyai kuasa tertinggi dalam susunan pembesar-pembesar negara dan adat istiadatnya.

Menurut Pengiran Yusuf⁴, wazir terdiri daripada Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua, Pengiran Di-Gadong Sahibol Mal, Pengiran Pemancha Sahibol Rae'wal Mashuarat dan Pengiran Temenggong Pengiran Sahibol

⁴ P.M.Yusuf, 'Adat Istiadat Diraja Brunei Darussalam', *The Brunei Museum Journal*, Vol.3, No.3, 1975, hlm.45.

Bahar. Adapun jawatan wazir yang terawal dalam pentadbiran tradisi itu mula dikesan pada zaman pemerintahan Sultan Bolkiah iaitu Pengiran Bendahara dan Pengiran Temenggong. Selepas itu, dua jawatan lagi terbentuk pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad Hasan iaitu Pengiran Di-Gadong dan Pengiran Pemancha⁵. Wazir-wazir ini dilantik bagi membantu sultan dalam mentadbir negara dan memberikan buah fikiran dan keputusan dalam mesyuarat kerana Brunei ketika itu dipucak kegemilangan. Makanya, sekurang-kurangnya dua orang tandatangan wazir diperlukan untuk menjadi saksi bagi setiap surat perjanjian yang dimeterai oleh sultan. Ini bermakna sultan tidak bertindak sendirian melainkan dibantu oleh pembesar tadi.

Pengiran Bendahara merupakan wazir yang paling dekat kepada sultan dan dijadikan Perdana Menteri yang memegang jawatan sultan apabila sultan berada di luar negeri atau mangkat berbanding ketiga wazir tadi. Manakala Pengiran Pemancha bertanggungjawab dalam hal ehwal dalam negeri dan adat istiadat. Pengiran Temenggong pula mengawas pertahanan dan Pengiran Di-Gadong menyelenggara kewangan. Mereka ini merupakan satu rangkaian yang sentiasa bekerjasama di antara satu dengan yang lain dan disokong oleh rakyat.

Selain wazir, terdapat juga nama-nama jalan itu mengambil sempena nama Cheteria Empat⁶, Lapan⁷ dan Enambelas⁸ dalam pentadbiran tradisi seperti

⁵ W.H. Treacher 1889, 'British Borneo: Sketches of Brunei, Sarawak, Labuan dan North Borneo', *JMBRAS*, No. 20, hlm. 37.

⁶ Maharaja Lela, Paduka Tuan, Maharaja Adinda dan Pengiran Shahbandar. Sila rujuk, Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, *Adat Istiadat Diraja Brunei*, Jabatan Adat Istiadat Negara, 2003, hlm. 576. [Selepas ini, Pehin Jamil Al-Sufri, *Adat Istiadat Diraja Brunei*]

⁷ Indera Mahkota, Setia Negara, Putera Negara, Indera Negara, Negara Indera, Kesuma Negara, Sura Negara dan Si Raja Muda. Sila rujuk, Pehin Jamil Al-Sufri, *Adat Istiadat Diraja Brunei* ., hlm. 576-577.

Jalan Paduka Tuan, Jalan Maharaja Lela⁹, Jalan Maharaja Setia, Jalan Setia Negara¹⁰, Jalan Maharaja Anaknda¹¹, Jalan Jaya Negara¹² dan Jalan Kerma Negara¹³. Namun tidak dinafikan terdapat pembaharuan nama gelaran dalam Cheteria Empat semasa zaman pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam¹⁴ seperti Pengiran Paduka Tuan Sahibul Karib¹⁵ diganti kepada Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib; Pengiran Maharaja Adinda Sahibul Fikri diganti kepada Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad¹⁶.

- **Sejarah Institusi dan Tempat.**

Sesebuah kampung ataupun penempatan yang mengandungi nilai sejarah yang tidak dapat dilupakan dan sentiasa penting untuk hari ini mahupun masa akan datang perlu dikekalkan dan dipelihara untuk memberi peluang kepada masyarakat melihat dan mengkajinya sehinggakan tempat tersebut dijadikan nama jalan bagi memudahkan orang ramai mengetahui lokasi kedudukannya seperti istana, bangunan dan tembok pertahanan negara.

⁸ Maharaja Anakda, Kesuma Indera, Jaya Negara, Kerma Negara, Kerma Indera, Dipa Negara, Dewa Negara, Seri Maharaja, Kerma Raja, Derma Wangsa, Derma Putera, Jaya Kesuma, Jaya Indera, Seri Rama dan Maharaja Dewa. Sila rujuk, Pehin Jamil Al-Sufri, *Adat Istiadat Diraja Brunei*, hlm.577.

⁹ Sempena nama Pengiran Maharaja Lela. Bertanggungjawab memperhatikan keadaan perjalanan istiadat di dalam sesuatu majlis dan bertanggungjawab untuk membetulkan atau menyelesaikannya masalah yang berlaku.

¹⁰ Sempena nama Pengiran Setia Negara. Bertanggungjawab memerhatikan keadaan taat setia rakyat dan penduduk negara kepada sultan.

¹¹ Sempena nama Pengiran Maharaja Anaknda. Bertanggungjawab memerhatikan keadaan pelajaran dan pendidikan rakyat dan penduduk supaya selaras dengan keadaan ideologi negara.

¹² Sempena nama Pengiran Jaya Negara. Bertanggungjawab memerhatikan keadaan perkembangan kemajuan negara supaya hasilnya dapat dicapai dan dinikmati oleh rakyat dan penduduk.

¹³ Sempena nama Pengiran Kerma Negara. Bertanggungjawab memerhatikan keadaan pekerjaan yang dibuat oleh rakyat dan penduduk.

¹⁴ Pehin Jamil Al-Sufri, *Adat Istiadat Diraja Brunei*, hlm.576.

¹⁵ Bertanggungjawab memperhatikan keadaan perjalanan adat istiadat dan kebudayaan yang diamalkan oleh rakyat dan penduduk negara ini

¹⁶ Bertanggungjawab memperhatikan keadaan keolahan dan budi pekerti rakyat dan penduduk negeri ini

Istana Diraja

Jalan Istana Darussalam, Jalan Istana Darul Hana dan Jalan Istana Nurul Iman merupakan antara nama yang diambil sempena tempat kediaman dan persemayaman sultan dan kerabat Diraja yang terletak di kawasan Bandar Seri Begawan. Contohnya, Istana Darussalam¹⁷. Istana ini merupakan kediaman rasmi dan persemayaman Sultan Omar Ali Saifuddien III sebelum diangkat menjadi sultan. Disitulah juga tempat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan adindanya diputerakan dan kerabat Diraja yang lain tinggal sebelum berpindah ke Istana Darul Hana.

Pelbagai acara keraian, adat istiadat Diraja dan sejarah Diraja pernah disempurnakan di istana ini antaranya:

- i. 15 Julai 1947, Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien III diarak menjadi Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua.
- ii. 5 Jun 1950, Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien III pernah mengadakan dan menghadiri mesyuarat bagi menentukan pengantian sultan.
- iii. Penempatan tetamu-tetamu yang terdiri daripada rakan-rakan kelas Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien III semasa menuntut di Kolej Melayu, Kuala Kangsar, Perak.
- iv. Tempat lindung Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien III pada 17 September 1986

¹⁷ Istana ini dibina sekitar 1940-an dengan keluasan kira-kira 0.2 hektar yang terletak di tebing Sungai Kedayan, Kampong Sumbiling Lama, Bandar Seri Begawan

Bangunan Residen British

Jalan Residency merupakan nama yang diambil sempena terletakinya bangunan pentabdiran Residen British yang didirikan sejak tahun 1906. Bangunan itu dikenali sebagai ‘Bubungan Dua Belas’¹⁸ kerana ia mempunyai dua belas bumbung yang bertingkat-tingkat. Mulanya, merupakan tempat kediaman rasmi bagi McArthur, Residen British yang pertama di Brunei. Di sekitar kawasan bangunan ini sebelumnya juga menempatkan antaranya balai polis, *headquarters* kakitangan kerajaan dan lain-lain lagi.

Tembok Pertahanan Negara

Jalan Kota Batu terletak disepanjang pesisiran Sungai Brunei dan merupakan nama yang diambil sempena perpindahan pusat pemerintahan baru Brunei dari Kampong Ayer ke darat pada zaman pemerintahan Sultan Sharif Ali. Pusat pemerintahan itu dipanggil Kota Batu kerana baginda telah mendirikan tembok batu dengan tujuan untuk melindungi pusat pemerintahannya dari serangan-serangan musuh. Dikota inilah juga dibina istana, masjid dan kediaman kerabat Diraja dan pembesar-pembesar negeri. Kota Batu juga pernah menjadi pusat perdagangan abad ketujuh iaitu zaman awal Dinasti Tang di China sehingga akhir abad ke-17 apabila jalan-jalan di Asia Tenggara telah musnah akibat kedatangan orang Barat berdasarkan manik-manik dan tembikar cina telah ditemui di Kota Batu sewaktu kerja-kerja penggalian arkeologi

¹⁸ Terletak dilereng Bukit Subok dan jaraknya dari pusat bandar iaitu lebih kurang 1 ½ kilometer.

dilaksanakan. Pedagang bukan hanya dari Pulau Borneo tetapi juga peniaga-peniaga dari Pahang, Terengganu, Kelantan, Siam, Kemboja dan Jawa¹⁹.

- **Sosioekonomi Brunei.**

Pada zaman awal Residen British di Brunei, pelbagai sosioekonomi seperti penanaman padi dan getah telah diusahakan di beberapa kawasan di negara ini bagi meningkatkan sumber ekonomi negara yang mulanya bergantung kepada cukai dan perdagangan. Oleh yang demikian, apa jua kegiatan hasil kegiatan perekonomian negara disesebuah kawasan atau tempat turut dilestarikan melalui penamaan jalan walaupun projek itu mengalami kegagalan dan tidak berjaya diusahakan.

Jika anda terlihat tanda jalan iaitu ‘Jalan Ban 1, Jalan Ban 2, Jalan Ban 3, Jalan Ban 4, Jalan Ban 5 dan Jalan Ban 6 di kawasan Kampong Mulaut, ianya merupakan bekas tapak kawasan penanaman padi. Kawasan itu terpilih bagi projek Rancangan Lima Tahun Negara pada tahun 1950-an bagi meningkatkan dan mempelbagaikan ekonomi negara. Dalam rancangan tersebut, kerajaan telah membina tali air dan petani-petani hanya dikenakan bayaran sebanyak \$1.00 sahaja bagi setiap 1 ekar bagi tali air yang siap dibina²⁰. Walaupun pada dasarnya pihak kerajaan sudah berusaha untuk menjadikan kawasan tersebut sebagai ‘rice bowl’²¹ negeri ini tetapi menemui kegagalan akibat Jabatan Pertanian tidak berjaya membina empangan air dari Sungai Mulaut dan

¹⁹ Sabihah Osman, Muhammad Hadi Abdullah dan Sabullah Hj Hakiq, *Sejarah Brunei Menjelang Merdeka*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Malaysia, 2001, hlm. 36.

²⁰ *The Borneo Bulletin*, 14 Mei 1955.

²¹ *Ibid.*, 5 Januari 1957.

membekalkan air di kawasan tersebut pada musim kemarau²². Kegagalan projek itu menyebabkan Brunei masih lagi bergantung keperluan berasnya daripada negeri luar.

Begitu juga dengan tanda 'Jalan Estet Gadong' merupakan bekas kawasan penanaman getah dan kawasan itu juga dipanggil Estet Gadong. Estet Gadong merupakan kawasan utama penanaman getah selain Kumbang Pasang di Daerah Brunei Muara. Manakala, Labu, Batu Apoi dan Biang merupakan kawasan penanaman getah di Daerah Temburong. Kegiatan penanaman getah ini semakin meningkat akibat 'American Boom' pada pertengahan tahun 1920-an dan permintaan getah dipasaran dunia juga semakin meningkat akibat perusahaan keretamotor dan elektrik. Namun semasa pendudukan Jepun di Brunei, segala aktiviti dan pengeluaran hasil getah diseluruh negara terhenti. Sejak itu, pengeluaran getah semakin merosot dan pada tahun 1968 aktiviti itu telah berakhir .

2. Sejarah memainkan peranan penting dalam pembinaan intelektual

Pembinaan intelektual di kalangan masyarakat amat penting bagi melahirkan masyarakat yang matang berfikir dalam segala aspek kehidupan dan bersedia menghadapi cabaran mendatang melalui peristiwa sejarah yang berlaku dan mengkajinya. Contohnya, Jalan Rakis. Jalan Rakis merupakan nama yang diambil sempena daripada sebuah buku berjudul 'Syair Rakis'. Syair itu juga dinamakan

²² *Annual Report on the State of Brunei, 1957*, hlm. 35.

'Rakis Dua Belas' yang dikarang oleh Pengiran Shahbandar Mohd. Salleh Ibnu Pengiran Sarmayuda pada tahun 1845.

Jasa dan Sumbangan Pengiran Shahbandar Mohd. Salleh

Pengiran Mohd. Salleh dilahirkan di negeri Sambas berketurunan kerabat Diraja Brunei iaitu anak kepada Pengiran Sharmayuda Pengiran Sharifuddin ibnu Pengiran Indera Mahkota Pengiran Sulaiman. Beliau adalah seorang sasterawan, ahli fikir dan seorang terpelajar iaitu pernah belajar di Betawi dan dikatakan pernah melanjutkan pelajarannya hingga ke negeri Belanda. Pada TM 1820, Pengiran Mohd. Salleh dititahkan balik ke Brunei oleh Sultan Muhammad Kanzul Alam dan diberikan tugas pentadbiran negeri dengan dianugerahkan gelaran Pengiran Indera Mahkota. Pada TM 1824, beliau dilantik menjadi Gabenor di Sarawak. Namun pada TM 1841, Pengiran Mohd. Salleh mengundurkan diri dan merantau ke Mukah setelah James Brooke diangkat menjadi raja di Sarawak akibat daripada pergeseran politik dengan keluarga Diraja yang lain. Pada TM 1845, beliau dipanggil semula balik ke Brunei untuk membantu dalam pentadbiran negara dan diberi gelaran Pengiran Shahbandar Sahibol Bandar oleh Sultan Omar Ali Saifuddin II. Dalam perjalanannya dari Mukah ke Brunei itulah, beliau mendapat ilham menulis 'Syair Rakis' untuk dipersembahkan kepada Sultan Omar Ali Saifuddin II dan Pengiran Anak Abdul Momin sebagai cendermata. Syair ini bukan saja dibaca oleh Sultan Omar Ali Saifuddin II dan Pengiran Anak Abdul Momin tetapi naskhah ini telah disalin untuk bacaan orang-orang besar ketika itu. Setiap rakis membicarakan satu atau beberapa persoalan menyangkut politik, sosial, budaya, pendidikan, nasihat dan iktibar untuk pemerintah dan masyarakat supaya memelihara maruah bangsa dan negara serta panduan untuk

hidup rukun bagi kesempurnaan hayat dan ibadat. Sebagai tanda penghormatan negara kepada Pengiran Indera Mahkota Mohd. Salleh maka beliau dianugerahkan gelaran Pengiran Shahbandar iaitu satu-satunya gelaran yang tertinggi di Brunei.

3. Sejarah berperanan dalam pembangunan bangsa dan negara

Keterlibatan dan peranan pemimpin negara, pembesar dan tokoh-tokoh tempatan dalam memperjuangkan kedaulatan negara juga akan dapat memberikan keyakinan diri kepada masyarakat untuk memperbaiki kehidupan mereka pada hari ini dan masa depan.

Peranan dan Sumbangan Pemimpin Negara

Jalan Nakhoda Ragam, Sultan Hashim dan Jalan Sultan Omar Ali Saifuddin merupakan antara nama Sultan-Sultan Brunei yang memerintah negara ini. Disebalik nama-nama tersebut mengandungi pelbagai peristiwa sejarah, ada yang mengagumkan, menyedihkan dan mengembirakan yang perlu difahami untuk dibuat perbandingan bagi membangunkan negara dan memajukan masyarakat pada hari ini dan akan datang.

Misalnya, Jalan Sultan Hashim. Sultan Hashim merupakan singkatan nama Sultan Hashim Jalilul 'Alam Aqamaddin Ibnu Sultan Omar Ali Saifuddin II, Sultan Brunei ke-25 yang memerintah sekitar tahun masihi 1885-1906. Sewaktu pemerintahan baginda, Brooke dan dinastinya telah berjaya menguasai sedikit demi sedikit daerah-daerah Brunei yang ada di Sarawak. Melihat kepada ancaman ini, baginda telah

melaksanakan beberapa perundingan dan perjanjian demi mempertahankan negeri Brunei yang masih tinggal. Pada TM 1887, baginda telah membuat permohonan bertulis kepada Kerajaan Baginda Queen supaya mengadakan Residen British di Limbang tetapi tidak dipersetujui oleh Kerajaan Baginda Queen kerana menggunakan perbelanjaan yang mahal. Pada TM 1888, baginda sekali lagi bertindak membuat perjanjian dengan Kerajaan British iaitu meletakkan pengawalan hubungan luar negeri Brunei di bawah pentadbiran Inggeris. Ternyata perjanjian ini gagal apabila Charles Brooke berjaya merampas Limbang sehingga baginda mengutus surat kepada Sultan Abdul Hamid, Turki untuk memohon pertolongan pada TM 1903. Surat yang dikirim oleh Sultan Hashim itu tidak sampai disembahkan kepada Sultan Abdul Hamid kerana telah dirampas oleh Hewett, Residen Pantai Barat daripada Konsul Agung Turki yang melawat ke Brunei. Sultan Hashim merasakan keselamatan wilayah Brunei belum terjamin maka dengan itu baginda telah menandatangani Perjanjian Perlindungan Inggeris ke atas Brunei pada 3 Disember 1905 dan 2 Januari 1906 dengan bersetuju menerima Sistem Residen di Brunei²³. Ternyata perjuangan Sultan Hashim itu akhirnya berjaya. Wilayah dan kedaulatan negeri Brunei dapat diselamatkan dari negeri naungan kepada negeri perlindungan dan baginda juga sebagai penyelamat kemerosotan kuasa-kuasa raja Brunei dari terus lenyap dari muka bumi ini.

Peranan dan Sumbangan Tokoh Tempatan

Jalan Haji Basir, Jalan Dato Taib, Jalan Dato Ibrahim, Jalan Dato Marshal dan Jalan Pehin Dato Isa merupakan antara nama yang diambil sempena nama tokoh tempatan di negeri ini. Misalnya, Jalan Haji Basir. Dato Paduka Haji Basir bin Taha dilahirkan

²³ *Sultan-Sultan Brunei*, Jabatan Pusat Sejarah Brunei, 1995, hlm.4-5.

di Kampong Pengiran Pemancha Lama, Kampong Ayer pada 3 November 1913. Mula mendapat pendidikan pada 1 Julai 1921 di Sekolah Melayu Jalan Pemancha, Pekan Brunei. Pada TM 1929, beliau mula menjadi guru pelatih dan penuntut yang mula-mula dihantar belajar ke Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim, Perak. TM 1936, bergiat aktif dalam pasukan pengakap di Brunei dan dibawah pimpinannya, gerakan pasukan ini bertambah cergas dan maju. TM 1944, meneruskan pelajaran ke Maktab 'Kochu Sunsi' dan 'Shi Gakko' iaitu Pusat Latihan Perguruan untuk Guru-Guru Besar dan Nazir yang berpusat di Pekan Brunei. Setelah tamat, dilantik menjadi Ketua Nazir Sekolah-Sekolah di Miri Shu, Labuan, Bahagian Keempat dan Kelima Sarawak serta pesisir sempadan Sabah.

Pernah memegang pelbagai jawatan seperti Guru Besar, Guru Kumpulan, Guru Pelawat, Ketua Guru Penyelia Sekolah-Sekolah Melayu, Nazir Sekolah-Sekolah Melayu, Pengelola Pelajaran dan Penguasa Pelajaran Negeri Brunei. Dato Paduka Haji Basir juga menyertai dan menyumbangkan tenaga dalam pertubuhan parti politik Brunei seperti Barisan Pemuda dan Kesatuan Melayu sehingga dianugerahkan 'Bintang Pasifik [Pacific Star] dan Pingat Pertahanan pada tahun 1953. Pada TM 1948, dilantik menjadi Setiausaha kepada Duli Pengiran Bendahara Pengiran Muda Omar 'Ali Saifuddien dan pada tahun 1955, bersara tetapi aktif dalam kegiatan seperti Penangkap dan Palang Merah. Disamping itu juga menjadi Imam dan berdakwah mengenai Islam. Pada TM 1962, kembali bekerja sebagai Pegawai Kebajikan, Belia dan Sukan. Demi menghargai jasa dan perkhidmatan beliau kepada negara, pada tahun 1965, dianugerahkan Pingat Jasa Kebaktian (PJK) dan pada TM 1974, dianugerahkan Bintang Darjah Mahkota Brunei (DPMB) yang membawa gelaran Dato Paduka.

Tokoh ini mencatatkan nama yang cemerlang dalam bidang pelajaran, kegiatan-kegiatan kebajikan dan ugama. Beliau juga salah seorang yang terawal mengasaskan kesedaran di kalangan guru-guru Melayu di negeri ini untuk membebaskan negeri daripada belenggu penjajah dan mempertahankan kedaulatan raja dan bangsa.

4. Sejarah mematangkan minda dan membentuk perpaduan sosial

Peristiwa-peristiwa sejarah yang mengandungi sumber ilmu pengetahuan dan maklumat apabila dikaji akan mewujudkan kematangan dalam pemikiran. Melalui kematangan minda, maka seseorang itu dapat meningkatkan keyakinan diri setelah melihat keterlibatan, peranan dan sumbangan tokoh-tokoh luar yang turut serta berjuang dalam pembangunan bangsa dan negara ini.

Jalan McArthur, Jalan James Pearce, Jalan Pretty, Jalan Stoney, Jalan Cator merupakan antara nama yang diambil sempena nama Residen British yang telah menyumbangkan jasa dan bakti semasa berkhidmat di Brunei:

- 1) M.S.H. McArthur : Januari 1906 hingga 1908.
- 2) James Pearce Owen : April 1908 hingga September 1909.
- 3) B.O.Stoney : September 1909 hingga November 1909.
- 4) Sir G.E.Cator : Mei 1916 hingga Mac 1921.
- 5) Dato E.E.F. Pretty, C.M.G : Mac 1923 hingga Mei 1928.

Misalnya: Jalan McArthur. McArthur merupakan Residen British yang pertama dihantar oleh Kerajaan British untuk berkhidmat di Brunei pada tahun 1906 setelah termeterai perjanjian naungan TM1905/1906 diantara Sultan Hashim Jalilul 'Alam

Aqamaddin dengan Kerajaan British. McArthur mendapati Brunei sebuah negara yang miskin sebab tidak ada sumber kewangan yang cukup dalam perbendaharaan negara bagi pembiayaan pembangunan dan pentadbiran negara. Bagi mengatasi masalah itu, McArthur telah bertindak membentuk satu sistem ekonomi yang cekap iaitu memperkenalkan beberapa peraturan dan enakmen seperti:

- i. Peraturan Kastam 1906;
- ii. Enakmen Perlombongan 1908;
- iii. Enakmen Cukai Pajak 1908;
- iv. Enakmen Stemp (No.4 of 1908);
- v. Enakmen Peraturan Majikan dan Buroh (No.1 to 1913);
- vi. Enakmen Penyelaras Timbang dan Sukat
- vii. Undang-Undang Tanah (Land Code) 1907 dan 1909.

Mc Arthur juga menggalakan penduduk peribumi aktif dalam kegiatan ekonomi seperti lombong arang batu, industri ubar, perusahaan sagu, penanaman padi, perusahaan getah jelutong, penanaman getah, perusahaan kraftangan dan perikanan bagi mengubah sistem ekonomi sara hidup mereka.

5. Sejarah dijadikan sumber kesedaran kepada masyarakat.

Sejarah merupakan himpunan kisah-kisah yang telah lalu. Jadi terdapat kepelbagaian peristiwa dan fenomena telah berlaku dan ini memungkinkan generasi baru untuk mengambil iktibar dan pengajaran. Walaubagaimanapun, sejarah itu sememangnya perlu dijadikan sumber kesedaran kepada masyarakat dalam memupuk semangat dalam memperbaiki segala kelemahan dan menilai kesilapan yang telah dilakukan

bagi memupuk kesetiaan dan ketaatan terhadap diri sendiri, bangsa dan negara. Misalnya, Jalan Nakhoda Manis. Jalan Nakhoda Manis diambil sempena sebuah cerita legenda yang sangat popular di kalangan masyarakat Brunei iaitu Nakhoda Manis. Jika di Malaysia dikenali sebagai Si Tanggung dan Indonesia dikenali sebagai Malim Kundang. Versi berbeza tetapi memiliki isi cerita yang sama iaitu balasan menderhaka kepada ibu.

Nakhoda Manis mengisahkan tentang kehidupan seorang pemuda bernama Manis yang telah belayar merantau mencari kekayaan di luar negeri dengan meninggalkan ibunya, Dang Ambon dan akhirnya pulang ke tanahair setelah beberapa tahun diperantauan. Dengan kekayaan yang dimilikinya, Nakhoda Manis berkahwin dengan seorang wanita bangsawan yang cantik rupawan dari golongan keluarga yang berada. Melihat keadaan ibunya yang daif dan miskin, Nakhoda Manis merasa malu dan menghalau ibunya, Dang Ambon. Dang Ambon begitu kecewa dan menyumpah anaknya. Ketika itu datang ribut dan sebaik ribut berhenti, timbul batu besar di tempat kapal Nakhoda Manis berlabuh. Batu itu dikenali dengan nama 'Jong Batu' yang terletak di perairan Sungai Brunei berhampiran dengan Istana.

Kesimpulan:

Melestarikan sejarah melalui penamaan jalan itu bertepatan sekali sepertimana petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Perasmian Majlis Ilmu Sempena Hari Keputeraan Baginda Ke-64 pada Hari Isnin, 14 Syaaban 1431/26 Julai 2010 :

‘... pengetahuan kita tentang ... sejarahnya akan dapat dikenal pasti. Ini adalah penting. Sejarah adalah lidah kebenaran...sejarah tidak boleh dibisukan. Bangsa yang membisukan sejarahnya adalah pengecut. Oleh itu, wajar bagi kita menjadi bangsa yang berani .. kita belajar dari sejarah dan berguru kepada sejarah. Bangsa yang suka berguru kepada sejarah adalah bangsa besar. Daripada sejarah kita bermula, dan daripada sejarah juga kita melakar nama...’